



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 6 DISEMBER 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	HAMPIR RM1 JUTA PROGRAM PERTANIAN BANDAR DI KELANTAN, HARAKAH DAILY -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	SEGERA TANGANI ISU PENCEMARAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
3.	PERUNTUKAN KHAS RM150 JUTA BAGI GERAN PEMBIAYAAN, PADANAN UNTUK NELAYAN, ASTRO AWANI -ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	PERUNTUKAN KHAS RM150J BANTU NELAYAN, SETEMPAT, METRO AHAD -16	
5.	RM1.83 JUTA NAIK TARAF JETI NELAYAN, SELANGOR & KL, SH -40	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2020	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Hampir RM1 juta program pertanian bandar di Kelantan



Majlis penyampaian projek pertanian bandar di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bagi Dun Pengkalan Kubor. Foto RIZAL TAHIR

TUMPAT: Kelantan memperolehi sebanyak RM900,000 daripada peruntukan keseluruhan sebanyak RM7.32 juta untuk program pertanian di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dato' Che Abdullah Mat Nawi berkata, peruntukan itu disalurkan untuk program pertanian bandar.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyampaian projek pertanian bandar di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) bagi Dun Pengkalan Kubor.

Majlis berkenaan diadakan di Dewan Penggawa Cabang Tiga Geting dekat sini, semalam.

Masyarakat pelbagai kaum termasuk Cina dan Siam di Dun berkenaan memperolehi input pertanian yang disediakan kerajaan.

Menurut Che Abdullah, peruntukan itu diagihkan kepada 10 jajahan di Kelantan, di mana jajahan Tumpat sebanyak RM300,000 melibatkan 408 individu dan lapan komuniti.

Beliau memberitahu, program pertanian bandar diwujudkan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup, menambahkan pendapatan serta memberi peluang pekerjaan melalui aktiviti pertanian.

Jelasnya, ia dilihat sebagai amalan mampan memandangkan dapat memberi manfaat dari aspek sosial, ekonomi dan persekitaran bandar. – **HARAKHADAILY 6/12/2020**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Segera tangani isu pencemaran



LAWAT: Jeffrey semasa lawatan ke ladang babi di Tamparuli pada hari Jumaat.

... Atau berdepan risiko denda tinggi, kata Dr Jeffrey

TAMPARULI: Dua ladang babi yang disalahkan kerana pencemaran udara dan air di daerah ini telah diingatkan untuk segera memperbaiki keadaan atau berisiko didenda oleh pihak berkuasa.

Dalam satu kenyataan di sini pada Jumaat, Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr Jeffrey Kitingan, mengatakan bahawa penternak babi terbabit telah diberitahu untuk memperbaiki sistem pengurusan sisa ternakan mereka berikutan aduan dari kampung-kampung berdekatan bahawa sisa buangan dari ladang babi masuk ke sungai.

Semasa lawatan ke dua ladang berkenaan di sini, Jeffrey mengatakan bahawa kerajaan menyokong industri ini, tetapi petani mempunyai tanggungjawab untuk memastikan ladang mereka tidak menjadi gangguan kepada kejiranan mereka.

"Industri ini mesti disokong kerana kementerian kita adalah mengenai pengeluaran makanan. Tetapi pada masa yang sama, keadaan mesti diperbaiki. Walaupun berdiri di sini (kawasan ladang babi), baunya tidak dapat ditanggung. Saya hanya dapat membayangkan apa yang mesti ditanggung oleh penduduk kampung setiap hari," katanya.

Jeffrey berkata masalah terletak pada sistem sisa buangan ladang di mana kolam sisa buangan akan melimpah ketika hujan lebat, membawa sisa berbau ke anak sungai berdekatan dan akhirnya ke sungai utama.

Beberapa hari yang lalu, sungai telah berubah menjadi hitam dan berbau dan penduduk kampung menyalahkan keadaan di ladang babi berdekatan.

Kedua-dua ladang memiliki jumlah kolam yang minimum untuk mengolah sisa buangan dan Jeffrey mengatakan masalah itu dapat diselesaikan dengan mudah iaitu dengan mengurangkan jumlah ternakan dan menggunakan tanah yang tersedia untuk membangun lebih banyak kolam sisa buangan.

"Ini mengenai bertanggungjawab dalam pertanian bukan hanya untuk keuntungan. Penyelesaian jangka pendek yang lain adalah dengan menggunakan trak pam septik setiap kali kolam sisa buangan hampir penuh. Ini adalah cara yang bertanggungjawab untuk menguruskan sisa buangan dan bukannya membuang lebihan sisa ke dalam sungai.

"Ini mesti dilakukan dengan segera. Tidak perlu menunggu sehingga aduan lain timbul untuk para penternak babi mencari cara untuk meredakan jiran mereka.

"Jabatan Perkhidmatan Veterinar Sabah (DVS) sudah memberi nasihat kepada kedua pemiliknya.

"Sekiranya mereka masih tidak mematuhi prosedur operasi standard (SOP), mereka boleh didenda oleh Jabatan Perlindungan Alam Sekitar (EPD) atau diperintahkan untuk menghentikan operasi oleh pihak berkuasa tempatan," jelasnya.

Namun, Jeffrey berkata kementeriannya melalui DVS akan terus memantau keadaan, bukan hanya di dua ladang babi di Tamparuli tetapi di seluruh Sabah, untuk memastikan penternak memastikan pencemaran berada di tahap sifar.

Menurut rekod kementerian, industri penternakan babi di Sabah bernilai sekitar RM200 juta setiap tahun dan menghasilkan sekitar 95% keperluan negeri.

Secara keseluruhan, terdapat 42 ladang babi berdaftar dengan pelbagai saiz di seluruh Sabah.

Di masa hadapan, Jeffrey turut berkata kerajaan akan memperkemas industri dengan memusatkannya dalam satu kawasan sahaja.

"Kami sudah memiliki tanah seluas 500 ekar di Tongod untuk diwartakan sebagai kawasan peternakan babi. Sabah perlu mempunyai pusat utama ternakan babi. Pusat ini akan menggunakan teknologi penternakan babi moden yang telah digunakan di seluruh dunia.

"Ini akan memberikan persekitaran yang terbaik untuk membesarkan, memberi makan, penempatan, dan menjaga babi sepanjang tahap kehidupan mereka. Lebih penting lagi, pusat ini akan memastikan pencemaran adalah minimum," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/12/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

Peruntukan khas RM150 juta bagi geran pembiayaan, padanan untuk nelayan



Daripada jumlah itu, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk nelayan dalam bentuk geran pembiayaan menerusi Agrobank. -Gambar fail/ Bernama

JASIN: Peruntukan khas sebanyak RM150 juta dalam bentuk geran pembiayaan dan padanan menerusi Belanjawan 2021 mampu meringankan beban nelayan sekali gus memastikan sumber makanan negara mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata daripada jumlah itu, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk semua nelayan Zon A, B dan C dalam bentuk geran pembiayaan menerusi Agrobank.

Beliau berkata faedah sebanyak 3.5 peratus dikenakan bagi tempoh pembayaran balik antara tiga hingga 10 tahun menerusi pinjaman berkenaan.

"Baki peruntukan sebanyak RM50 juta pula diberikan dalam

bentuk geran padanan sehingga RM70,000 bagi menaik taraf peralatan, pukat dan bot supaya hasil tangkapan dapat dipertingkatkan selain keselamatan mereka turut terjamin.

"Sebanyak 50 peratus daripada nilai peralatan akan dibiayai di bawah geran berkenaan manakala baki 50 peratus lagi akan ditanggung nelayan," katanya kepada pemberita selepas Program Sembang Santai Persatuan Nelayan Tanjung Nibong di sini, hari ini.

Pada majlis itu, lebih 100 nelayan yang menyertai program berkenaan menerima kit bantuan makanan berupa barangan keperluan asas bagi meringankan beban nelayan akibat ketidakpastian ekonomi kesan COVID-19.

Dalam perkembangan lain, beliau berkata Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) telah meluluskan peruntukan berjumlah RM300,000 bagi pembinaan baharu Jeti Nelayan Tanjung Nibong selain peruntukan berjumlah RM16,000 daripada kerajaan negeri Melaka bagi pembinaan baharu pondok pengawal di jeti tersebut.

Katanya sehingga November lepas, MAFI telah menyalurkan sebanyak RM1.83 juta di bawah Projek Rangsangan Ekonomi dan kerja-kerja menaik taraf atau membaik pulih infrastruktur di 13 jeti pendaratan ikan di Melaka.

"Selain itu, peruntukan berjumlah RM626,259 turut disalurkan daripada Akaun Amanah Nelayan Negeri Melaka bagi menaik taraf atau membaik pulih komponen jeti pendaratan ikan di negeri ini melibatkan tujuh lokasi," katanya.

-- BERNAMA

Headline	Peruntukan khas RM150j bantu nelayan		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	06 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	120,979
Page No	16	Readership	362,937
Language	Malay	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,191
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,573



Peruntukan khas RM150j bantu nelayan

Jasin: Peruntukan khas RM150 juta dalam bentuk geran pembiayaan dan padanan menerusi Belanjawan 2021 mampu meringankan beban nelayan, sekali gus memastikan sumber makanan negara mencukupi.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu, sebanyak RM100 juta diperuntukkan untuk semua nelayan Zon A, B dan C dalam bentuk geran pembiayaan menerusi Agrobank.

Beliau berkata, faedah 3.5 peratus dikenakan bagi tempoh pembayaran balik antara

tiga hingga 10 tahun menerusi pinjaman berkenaan.

"Baki peruntukan sebanyak RM50 juta pula diberikan dalam bentuk geran padanan sehingga RM70,000 bagi menaik taraf peralatan, pukot dan bot supaya hasil tangkapan dapat dipertingkatkan selain keselamatan mereka turut terjamin.

"Sebanyak 50 peratus daripada nilai peralatan dibiayai di bawah geran berkenaan manakala baki 50 peratus ditanggung nelayan," katanya selepas Program Sembang Santai Persatuan Nelayan Tanjung Nibong di sini, semalam.

Headline	RM1.83 juta naik taraf jeti nelayan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Dec 2020	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	140,000
Page No	40	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	357 cm ²
Journalist	NOR FARHANA YAACOB	AdValue	RM 7,568
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,705



RM1.83 juta naik taraf jeti nelayan

Dilaksanakan bagi ganti jeti yang dibina sendiri oleh nelayan

Oleh NOR FARHANA YAACOB

MELAKA

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memperuntukkan RM1.83 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan membaiki pulih 13 kemudahan infrastruktur jeti pendaratan ikan di negeri ini.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, daripada jumlah itu enam projek merupakan peruntukan yang disalurkan kerajaan Persekutuan yang keseluruhan berjumlah RM650,000 dan selebihnya adalah peruntukan tambahan menerusi Belanjawan 2021 berjumlah RM1.18

juta membabitkan tujuh projek menaik taraf.

Menurutnya, ia termasuk menaik taraf Jeti Nelayan Pernu, Jeti Nelayan Padang Temu dan Jeti Nelayan Tanjung Nibong di Telok Mas yang akan dilaksanakan secara berperingkat mengikut keperluan agar nasib nelayan terus mendapat pembelaan serta keprihatinan kerajaan.

Menurutnya, projek naik taraf itu dilaksanakan bagi menggantikan jeti nelayan yang dibina sendiri oleh nelayan kepada jeti nelayan konkrit selain peruntukan kerajaan negeri sebanyak RM16,000 bagi membina pos pengawal untuk melindungi enjin serta peralatan nelayan yang ditempatkan di jeti tersebut daripada dicuri individu tidak bertanggungjawab.

"Untuk bajet tahun 2021,



AHMAD HAMZAH

kementerian (MAFI) telah menyalurkan peruntukan yang cukup membanggakan sekali.

"Kerana itu kita perlu membuktikan keprihatinan kerajaan dengan membuat perancangan strategik

supaya perancangan yang ber-sasar itu benar-benar dapat sampai kepada kumpulan yang sepatutnya kita bantu," katanya selepas program Sembang Santai Nelayan di Medan Selera Ikan Bakar, Telok Mas, di sini semalam.

Ahmad yang juga Ahli Parlimen Jasin berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di seluruh negara sedang menjalankan proses pemutihan terutama nama nelayan yang telah meninggal dunia dan telah uzur ataupun sakit.

Menurutnya, langkah ini



Ahmad (tiga dari kiri) menyampaikan kit bantuan nelayan kepada seorang penerima pada program Sembang Santai Nelayan di Medan Selera Ikan Bakar, Telok Mas, semalam.

membolehkan nelayan tidak berlesen didaftarkan sebagai nelayan sepenuh masa dengan memberi keutamaan kepada mereka yang hanya bergantung pendapatan sebagai nelayan dan tiada pendapatan lain.

"Contoh pada program ini, 163 yang hadir namun 101 daripadanya yang berdaftar dan selebihnya tidak berdaftar maka timbul rungutan yang dibangkitkan walaupun mereka telah sekian lama menjadi ne-

layan.

"Dengan pemutihan itu, kita dapat keluarkan mereka daripada kategori itu dan akan masukkan mereka yang memohon setelah menjalani temuduga Jabatan Perikanan," katanya.

Dalam program itu Ahmad turut menyampaikan kit bantuan nelayan berupa barangan asas sebagai tanda penghargaan dan meringankan beban nelayan.